

09 MAR 2001

Ali-Skuad

MELAKA MAHU TUBUH SKUAD KEMALANGAN DI JALAN RAYA

MELAKA, 9 Mac (Bernama) -- Melaka bercadang menubuhkan skuad kemalangan jalan raya bagi memberikan perkhidmatan yang cepat kepada mangsa yang mengalami kemalangan.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohamad Ali Rustam berkata kerajaan negeri akan berbincang dengan polis, hospital, Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk memastikan skuad itu akan diletakkan di bawah pentadbiran agensi yang sesuai.

"Dengan adanya skuad kemalangan ini, ia akan dapat memberikan rawatan pertolongan cemas dengan cepat dan dapat menyelamatkan lebih banyak nyawa.

"Kerajaan negeri akan menyumbang untuk memberikan motosikal kepada skuad berkenaan untuk bergerak di samping elaun kepada kakitangan yang terlibat," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil (SMKKBK) yang lewat disiapkan hampir empat bulan daripada tempoh yang diberikan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kejadian seorang penunggang motosikal yang meninggal dunia di Jalan Tun Fatimah yang terlibat dengan kemalangan pada pukul 7.30 malam, Rabu lepas.

Secara kebetulan, Mohamad Ali yang ketika itu dalam perjalanan ke satu majlis di Limbungan melalui jalan berkenaan terpaksa menghubungi polis dan hospital untuk mendapatkan bantuan bagi mangsa.

Ketua Menteri berkata perbincangan itu adalah untuk memastikan apabila berlaku kemalangan, pertolongan dapat diberikan secepat mungkin.

Ditanya mengenai kadar jenayah di negeri ini, beliau berkata satu seminar mengenai pencegahan jenayah akan dianjurkan bulan depan untuk menganalisis data kadar jenayah bagi tempoh lima tahun sebelum ini dan cara pencegahannya.

"Ia akan dianjurkan oleh Exco yang berkaitan dan dihadiri oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk mengenal pasti masalah jenayah di peringkat kawasan dan kampung," katanya.

Sementara itu, mengenai empat agenda yang diletakkan oleh Umno dalam pertemuannya dengan PAS, beliau berkata agenda itu adalah bagi menjaga kepentingan golongan Melayu dan Islam di negara ini dan bukannya untuk keuntungan Umno.

Menurutnya apa yang dinyatakan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah bagi memastikan kekukuhan bangsa Melayu dalam menangani sesuatu isu secara bersama dengan mengetepikan fahaman politik masing-masing.

"Kita bukannya minta mereka masuk Umno tapi perkara yang melibatkan bangsa dan hak-hak orang Melayu perlu ditangani secara bersama seperti isu Suqiu yang mempertikaikan hak istimewa orang Melayu," katanya.

Mengenai perkembangan SMKKBK itu, beliau sendiri akan berjumpa dengan kontraktor dan sub-kontraktor yang terbabit untuk mengetahui masalah yang timbul menyebabkan kelewatan pembinaan sekolah berkenaan.

Menurutnya dengan kelewatan itu ia memberi kesulitan kepada orang ramai, pelajar sekolah dan guru-guru berkenaan kerana seramai 427 pelajar terpaksa menumpang di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Baru kira-kira 10 Km dari situ.

Sekolah berkenaan yang berharga RM13.3 juta dijangka mampu menempatkan seramai 1,200 pelajar apabila ia dibuka, yang mula dibina pada Oktober 1999 dan tempoh siap sepatutnya November tahun lepas.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri akan mendapatkan data terperinci

mengenai projek-projek pembinaan bangunan kerajaan lain yang gagal disiapkan mengikut jadualnya bagi mengetahui masalah sebenar kelewatan itu.

"Saya akan mengadakan perjumpaan dengan kontraktor yang terbabit bulan depan dan antara bangunan kerajaan yang lewat disiapkan mengikut jadualnya ialah Akademi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Tangga Batu yang sepatutnya siap tahun lepas," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga akan berbincang dengan pihak dewan-dewan perniagaan, persatuan kontraktor, polis, Jabatan Imigresen dan majlis daerah untuk mengenal pasti masalah yang timbul sekiranya berlaku kelewatan pembinaan projek di negeri itu.

-- BERNAMA

SBS RI